



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan
Perdagangan Antarabangsa Mengenai Isu Pengurusan Pelarian di
Malaysia**

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat pada hari Khamis, 2 Julai 2026 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang telah mengadakan satu mesyuarat untuk mendapatkan maklumat lanjut serta perkembangan terkini berhubung isu pengurusan pelarian di Malaysia.

Dalam mesyuarat ini, Jawatankuasa berpeluang untuk mendengar pembentangan serta taklimat daripada ahli akademik, badan bukan kerajaan serta kementerian dan agensi-agensi di bawahnya berhubung pengurusan isu pelarian yang menjadi salah satu keutamaan kerajaan ketika ini. Mesyuarat ini merekodkan kehadiran daripada Ahli-ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada YB Langkawi, YB Balik Pulau, YB Kampar, YB Machang serta Ahli Parlimen jemputan iaitu YB Sik. Sesi mesyuarat yang interaktif ini menyaksikan pembentangan laporan kajian dan cadangan-cadangan penambahbaikan daripada wakil Asia Business School serta Asylum Access berhubung isu ini.

Jawatankuasa juga turut mendapatkan taklimat daripada wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Majlis Keselamatan Negara berhubung status pelaksanaan Dokumen Pendaftaran Pelarian (DPP). Wakil Kementerian Luar Negeri juga turut hadir untuk memberikan pandangan pendirian Malaysia dalam menangani isu ini

melalui hak asasi manusia dan juga persatuan antarabangsa yang dilihat turut memainkan peranan dalam isu global ini.

Secara amnya, Jawatankuasa berpuas hati dengan perkembangan pelaksanaan DPP yang dijalankan dengan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah Jabatan Imigresen dan Kementerian Sumber Manusia dalam memastikan bahawa hak kemanusiaan diberikan dengan sewajarnya tanpa menjejaskan kepentingan dan keselamatan awam. Jawatankuasa juga turut menghargai usaha yang dijalankan oleh pihak KDN dalam menggalakkan penggunaan DPP ini melalui pembiayaan kos yang rendah dan mampu milik oleh pelarian di Malaysia. Sistem tunggal bagi pendaftaran pelarian ini turut mengguna pakai teknologi yang dibangunkan oleh syarikat kerajaan Malaysia. Rantainya dilihat sebagai pertumbuhan yang baik dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan.

Selain daripada itu, Jawatankuasa berpandangan bahawa jurang penyelidikan dan pelaksanaan dasar berdasarkan laporan kajian dan maklumat yang dibentangkan oleh akademik dan badan bukan kerajaan dilihat mempunyai perbezaan yang minimum dalam menangani isu pelarian di Malaysia. Jurang ini diamati sebagai suatu perkembangan yang baik dengan mengekalkan aspirasi hak asasi manusia tanpa diskriminasi dan menggugat kestabilan negara.

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua wakil kementerian dan agensi kerajaan yang hadir dalam menyokong peranan serta tanggungjawab Jawatankuasa ini dalam mendapatkan maklumat yang tepat serta meneliti pelaksanaan dasar-dasar yang ditetapkan selaras dengan kepentingan dan keutamaan negara.

- TAMAT -